



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 30 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TANAM KUBIS BUNGA DI TANAH RENDAH, NASIONAL, SINAR HARIAN -5 BEKALAN MAKANAN DI KAWASAN PKPD MENCUKUPI, ONLINE, HARAKAH DAILY	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	LULUS PEMBIAYAAN RM65.26 JUTA, NASIONAL, SINAR HARIAN -6	AGROBANK
4.	FIVE STATES TO GET FROZEN FISH STORAGE FACILITIES, NATION, THE STAR -6	LEMBAGA IKAN MALAYSIA (LKIM)
5. 6.	SAWAH PAYA SEPAYANG PRODUK PELANCONGAN BAHARU, NEGARA, KOSMO -14 SAWAH 'EKSKLUSIF', KOMUNITI KITA, UTUSAN MALAYSIA -42	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
7. 8. 9.	#MYAPEC2020 TARIK LEBIH 6,000 PENGUNJUNG ONLINE, BISNES, HARIAN METRO -26 KEUSAHAWANAN, SEKTOR PERTANIAN PERLU DIPERKETAT, BISNES, BERITA HARIAN -45 PUTTING A LID ON FOOD WASTAGE, BUSINESS, NEW STRAITS TIMES -15	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Tanam kubis bunga di tanah rendah

MARDI melakar satu lagi kejayaan, kurangkan kebergantungan kubis import

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SERDANG

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) melakar satu lagi kejayaan apabila berjaya membangunkan teknologi tanaman kubis bunga di tanah rendah.

Kubis bunga atau nama saintifiknya, *Brassica oleracea var botrytis* sebelum ini sinonim sebagai sayuran yang ditanam di kawasan tanah tinggi.

Secara amnya, varieti tanaman temperat seperti kubis bunga memerlukan suhu waktu malam yang dingin iaitu antara 18 hingga 22 darjah Celsius untuk menghasilkan *curd* atau meristem bunga.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, teknologi tersebut dijangka dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap kubis bunga import kerana pengeluaran dalam negara ketika ini hanya melibatkan kawasan seluas 535 hektar di Cameron Highlands, Pahang dan Kandasang, Sabah.

Menurutnya, kubis bunga berupaya menjana hasil lumayan kerana permintaan yang tinggi dalam negara sejak sekian lama.

"Oleh itu, penanaman kubis bunga yang berkualiti harus dipertingkatkan. Alternatif terbaik adalah dengan menanam kubis bunga di kawasan tanah rendah."

"Kami akan promosikan penemuan ini kepada petani. Mereka yang mempunyai kapasiti untuk menceburi (bidang ini) boleh mendapatkan maklumat teknikal daripada MARDI," katanya pada sidang media selepas melancarkan Teknologi Pengeluaran Kubis Bunga Tanah Rendah di Ibu Pejabat MARDI di sini pada Selasa lalu.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, kejayaan yang dibuktikan MARDI itu juga memperlihatkan bahawa sektor pertanian dan industri makanan negara boleh berkembang maju.

"Menyedari kepentingan sekuriti makanan yang merupakan keperluan kepada negara, MARDI berjaya membangunkan teknologi yang merangkumi satu pakej lengkap kubis bunga tanah rendah."

"Ja bermula daripada penentuan varieti untuk benih, amalan agronomi bagi pengeluaran hasil yang tinggi,



Ronald (kanan) dan Mohamad Roff (dua dari kiri) memetik kubis bunga selepas pelancaran Teknologi Pengeluaran Kubis Bunga Tanah Rendah di Ibu Pejabat MARDI di Serdang pada Selasa lalu.

pengurusan perosak dan penyakit serta pengawalan kualiti hasil tanaman selepas dituai," kata beliau.

Sementara itu, Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor berkata, tempoh kajian bagi tanaman kubis bunga itu mengambil masa selama empat tahun.

Menurutnya, kubis bunga hasil teknologi pihaknya itu juga mempunyai kandungan vitamin C yang lebih tinggi berbanding produk import atau tanaman di tanah tinggi.

"Hasil kajian MARDI mendapati kubis bunga di kawasan tanah rendah mempunyai vitamin C yang lebih tinggi berbanding kubis bunga import dan yang ditanam di tanah tinggi."

"Selain itu, teknologi pengeluaran kubis bunga tanah rendah juga dapat memendekkan tempoh ia boleh dituai iaitu dalam satu hingga dua minggu, selain mengurangkan penyakit terhadap tanaman tersebut," katanya.

Beliau berkata, secara umumnya tempoh matang atau boleh dituai bagi kubis bunga adalah antara 80 hingga 85 hari selepas ditanam.

Selain itu, katanya, antara kelebihan menanam kubis bunga di tanah rendah adalah dapat memperluas kawasan penanaman, cakupan kawasan dan lebih ramai lagi petani boleh terlibat.

"Kos pengeluaran juga lebih rendah termasuk kos pemasaran dan pasaran menjadi lebih baik. Pengurusan serangga perosak dan penyakit juga adalah minimum."

"Pada masa yang sama, teknologi yang dijana adalah ke arah sisa sifar dengan pembangunan produk hiliran berpotensi iaitu produk makanan seperti kimchi, sayuran goreng dan tepung mi serta makanan ternakan," kata beliau.



Pihak media turut diberi peluang merasai sendiri pengalaman memuai kubis bunga yang ditanam di kawasan tanah rendah.



Hasil kajian MARDI mendapati kubis bunga yang ditanam di kawasan tanah rendah mempunyai vitamin C yang lebih tinggi berbanding kubis bunga import dan yang ditanam di tanah tinggi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

BEKALAN MAKANAN DI KAWASAN PKPD MENCUKUPI



TANAH MERAH: Orang ramai yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Sabah tidak perlu membuat pembelian panik memandangkan bekalan makanan di negeri itu mencukupi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, mereka juga tidak perlu panik dengan maklumat palsu sehingga ramai membuat pembelian di luar kawalan.

Kata beliau, kerajaan tidak mempunyai masalah untuk membekalkan makanan kepada rakyat di kawasan PKPD di negeri itu.

"Sama ada bekalan di Sabah atau di mana-mana negeri seluruh negara tidak mempunyai masalah.

"Pihak kementerian akan pastikan bekalan makanan mencukupi untuk keperluan rakyat," katanya ketika melakukan Lawatan Kerja ke Projek Kelompok Jagung Kampung Paloh di sini, semalam.

Turut hadir Adun Bukit Panau, Dato' Abdul Fattah Mahmood.

Terdahulu Che Abdullah melakukan lawatan ke ladang durian di Kampung Bechah Laut di sini.

Tanaman berkenaan diusahakan Dato' Ng Chiang Cin di atas tanah seluas tujuh hektar.

Ladang berkenaan diusahakan sejak tahun 2017 dengan tanaman lima spesis durian bermutu tinggi antaranya D197 dan D200.
 – HARAKAHDAILY 29/10/2020

Lulus pembiayaan RM65.26 juta

Melalui Skim Agro Makanan bagi bantu usahawan mikro dan komuniti B40 yang terjejas akibat Covid-19

KOTA BHARU

Pembiayaan sebanyak RM65.26 juta telah diluluskan kerajaan melalui Skim Agro Makanan bagi membantu usahawan mikro dan komuniti B40 yang terjejas akibat Covid-19 dalam tempoh empat bulan sejak Jun lepas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, bantuan di bawah Pelan Jana Se-mula Ekonomi Negara (Penjana) yang disatukan melalui Agrobank

itu sehingga kini telah memberi manfaat kepada seramai 7,855 usahawan agro sejak dilancarkan. pertengahan tahun ini.

“Selain skim ini, Agrobank turut menawarkan penyusunan semula atau menjadual semula kemudahan pembayaran usahawan yang terjejas tanpa menjejaskan status CCRIS (Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat) mereka dan permohonan kemudahan ini dibuka hingga Jun 2021.

“Selain itu, untuk mereka yang tiada atau kehilangan pekerjaan akibat Covid-19, pihak Kementerian juga menawarkan program ‘My Future Agro’ kepada mereka yang berminat dalam bidang agromakanan dan pertanian serta latihan di syarikat-syarikat terpilih,” katanya di sini semalam.

Terdahulu beliau mengadakan lawatan ke projek usahawan agro yang menerima pembiaya-



FOTO: BERNAMA

Che Abdullah (kanan) melawat ABY Smart Trading yang menjalankan perusahan ternakan lembu secara flakot di Kampung Tasek Berangan, Pasir Mas semalam.

an daripada Agrobank di Kampung Kok Seraya, Wakaf Bharu dan di Kampung Tasek Berangan, Pasir Mas.

Mengambil contoh syarikat di Kampung Kok Seraya yang mengusahakan perniagaan

pemprosesan beras, Che Abdullah berkata, syarikat milik bu-miputera itu memanfaatkan pembiayaan di bawah skim ber-an dan mesin serta mengubah suai kilang.

Menurut beliau, perniagaan diusahakan empat beradik itu kini mampu meningkatkan pengeluaran kepada 30 tan metrik sehari berbanding 10 hingga 20 tan metrik sehari sebelum ini. - Bernama

Five states to get frozen fish storage facilities

BUKIT GANTANG: The Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) is in the process of constructing five frozen fish storage facilities, costing RM25mil, to help in the marketing and distribution of fish to overcome excess supply.

LKIM chairman Datuk Syed Abu Hussin Syed Abdul Fasal said the projects were located in Kuala Besut, Terengganu, Kuantan, Pahang, Lumut, Perak, Kuala Kedah, Kedah and Sandakan, Sabah.

He said the projects were expected to be completed in May next year with each facility having a capacity of 10,000 tonnes of fish.

Syed Abu Hussin, who is also Bukit Gantang MP, said fish landed by fishermen were often sold at RM1 to RM2 per kilo when there was excessive supply as compared to RM5 to RM6 per kilo in the market.

"Fish dumping will not take place when the frozen fish storage facilities are operational, in addition to ongoing efforts of LKIM and fishermen's associations," he said after attending the mobile shop programme in Taman Mewah, Kamunting, near here yesterday.

Syed Abu Hussin said LKIM was also helping the fishermen to market their catch by buying the fish and marketing them at its fishermen's markets nationwide.

He said 87 fishermen's associa-



Moveable market: Syed Abu Hussin (left) unloading fish to be distributed through the mobile shop programme in Kamunting. — Bernama

tions were involved in distributing and marketing the fishermen's catch as well.

In another development, he said the mobile shop initiative, which was created 10 years ago, was being empowered to help residents in rural areas who were affected by the recovery movement control order, shrinking economy and limited job opportunities.

Syed Abu Hussin said six mobile outlets would be stationed at different locations every month, offering essential items so people would not have to go far.

Through the initiative, he said LKIM would buy goods on a wholesale basis and sell them to residents at retail prices with a 30% discount.

"This will help ease the cost of living by offsetting high prices of

essential items due to transportation costs.

"Bukit Gantang is a rural area, comprising 70% villagers and 30% government servants and private sector employees," he said.

Syed Abu Hussin also gave away a tonne of kembong, which was purchased from Kuala Selangor, to 500 residents of Taman Mewah. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2020	KOSMO	NEGARA	14

Sawah Paya Sepayang produk pelancongan baharu

ROMPIN – Selepas terkenal dengan udang galah dan juga ikan layaran, Sawah Paya Sepayang bakal menjadi satu lagi tarikan pelancongan baharu di daerah ini.

Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Rompin, Mohd. Faizul Misran berkata, Sawah Paya Sepayang seluas 280 hektar dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan baharu di daerah ini.

“Pada masa ini pun boleh dikatakan hampir setiap hari ramai pengunjung datang ke sawah Paya Sepayang sama ada untuk bergambar, memancing dan bersiar-siar.

“Jadi kita akan berusaha mengindahkan lagi kawasan ini. Sebagai permulaan, papan tanda untuk pengunjung bergambar telah dipasang,” katanya selepas menyempurnakan pemasangan papan tanda untuk bergambar di Paya Sepayang di sini semalam.

Menurutnya, lokasi sawah Paya Sepayang yang terletak berhampiran dengan bandar Rompin memudahkan orang ramai untuk datang berkunjung ke situ.

Katanya, pokok bunga ros Jepun dan pokok tunera yang

ditanam menerusi kaedah pertanian lestari bagi mengawal serangga perosak padi juga menjadi tarikan pengunjung dengan keindahan warna-warni bunga berkenaan.

“Kami telah melakukan pelbagai perancangan seperti mahu membina inap desa dan mengadakan pelbagai aktiviti yang boleh menarik kunjungan pelancong ke sawah berkenaan.

“Kami juga mahu memperkenalkan beras Rompin dengan kerjasama Beras Nasional yang boleh dijadikan antara buah tangan pengunjung ke sawah berkenaan,” ujarnya.



MOHD. FAIZUL (kanan) menunjukkan papan tanda bergambar yang dipasang di Sawah Paya Sepayang di Rompin semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	42

Sawah 'eksklusif'

SELAIN dihangunkan dengan konsep pertanian lestari, sawah Paya Sepayang di Rompin, Pahang seluas 280 hektar yang terletak dalam Jelapang Padi Pahang akan dijadikan sebagai antara produk pelancongan baharu daerah itu.

Pengarah Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Rompin, Mohd. Faizul Miran berkata, pemasangan papan tanda untuk pengunjing bergambar antara langkah permulaan dalam usaha menjadikannya sebagai produk pelancongan baharu di daerah terkenal dengan udang galah tersebut.

Katanya, sawah Paya Sepayang yang berkonsepkan pertanian lestari selamat akan menjadi kawasan sawah yang eksklusif khususnya di Pahang.



MOHD. FAIZUL MIRAN (tengah, kiri) bersama petugas IADA dan pesawah bergambar di papan tanda bergambar di papan tanda promosi sawah Paya Sepayang di Rompin, Pahang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2020	HARIAN METRO	BISNES	26

#MyAPEC2020 tarik lebih 6,000 pengunjung online



Kuala Lumpur: Pameran Maya #MyAPEC2020 menarik lebih 6,000 pengunjung berdaftar di platform dalam talian dengan tempoh kurang dari dua bulan sejak ia bermula sebagai pameran Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang pertama seumpamanya, menurut Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Agensi itu berkata, pertukaran format pameran daripada fizikal kepada secara dalam talian sepenuhnya adalah tindak balas langsung pihaknya kepada digitalisasi pesat di seluruh



Inisiatif Matrade menganjurkan Pameran Maya #MyAPEC2020 bukan hanya memberi peluang perniagaan kepada syarikat dari Malaysia dan ekonomi APEC lain menerusi interaksi dengan pembeli asing malah berperanan sebagai platform untuk mereka menyesuaikan dengan interaksi maya”

Wan Latiff Wan Musa

dunia, didorong sekatan dan garis panduan penjarakan sosial yang ditetapkan berikutan pandemik Covid-19.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Wan Latiff Wan Musa berkata, dalam usaha

untuk berjaya menyesuaikan dengan normal baharu, syarikat Malaysia digesa menerima guna teknologi dan menjalankan perniagaan secara digital.

“Inisiatif Matrade menganjurkan Pameran Maya #MyAPEC2020 bukan hanya memberi peluang perniagaan kepada syarikat dari Malaysia dan ekonomi APEC lain menerusi interaksi dengan pembeli asing, malah berperanan sebagai platform untuk mereka menyesuaikan dengan interaksi maya,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Sejak dilancarkan pada 1 September lalu, lebih 300 pembeli dari 51 ekonomi sudah mendaftar di platform itu dengan Malaysia, Australia, Myanmar, Indonesia dan Jepun menjadi lima negara teratas.

Pameran #MyAPEC2020 kini menempatkan lebih 300 syarikat merangkumi syarikat Malaysia dan antarabangsa dari ekonomi APEC.

Keusahawanan, sektor pertanian perlu diperhebat

Pada November dan seperti setiap tahun sebelum ini, perhatian diberikan kepada Belanjawan 2021 yang bakal dibentangkan pada 6 November ini.

Tidak dinafikan negara kita belum lagi keluar daripada kemelut pandemik COVID-19 yang meragut lebih 200 nyawa ketika ini.

Sementara itu, usaha harus diteruskan dan ikhtiar perlu ditingkatkan agar ekonomi rakyat Malaysia sentiasa terpelihara. Justeru, konteks Belanjawan 2021 perlu dirangka dalam keadaan negara menghadapi suasana krisis luar biasa.

Kali terakhir negara hadapi krisis kesihatan berakala global adalah pada 1918, iaitu Spanish Flu dengan jumlah kematian 34,644 orang.

Negeri selat seperti Singapura, Melaka dan Pulau Pinang mencatatkan angka kematian tertinggi, iaitu 6,344 diikuti Perak (6,056), Selangor (5,285) dan Negeri Sembilan (5,114).

Dalam hal ini, kebimbangan penulis adalah apabila kerajaan masih meneruskan naratif mengawal perbelanjaan untuk memastikan defisit fiskal terkawal. Hakikatnya, kerajaan memang berhadapan pilihan sukar kerana krisis pandemik ini dijangka berterusan untuk suatu tempoh yang lama dan proses pemulihan dijangka begitu perlahan.

Pihak International Air Transport Association (IATA) menyatakan pada 28 Julai lalu trafik penumpang global dijangka pulih pada 2024.



Ini bermakna sektor penerbangan dan industri berkaitan dengan pelancongan dijangka akan terjejas.

Jika dilihat jumlah perbelanjaan pelancong luar adalah RM88 billion pada 2019. Sebahagian besarnya dibelanjakan dengan membeli-belah, iaitu RM28.9 billion dan diikuti penginapan serta makanan dan minuman yang masing-masing perbelanjaannya berjumlah RM20.7 billion dan RM11.5 billion.

Bagi perbelanjaan pelancongan domestik pula, jumlah yang dicatatkan adalah RM106.2 billion pada 2019.

Secara kolektifnya, perbelanjaan pelancong luar dan domestik adalah RM189.3 billion bersamaan 12.5 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2019. Ini angka yang besar dan jika sektor pelancongan lumpuh ia boleh memberi kesan rantaian kepada sektor lain.

Berikutan peningkatan kes COVID-19 yang agak mendadak baru-baru ini, proses pemulihan ekonomi dijangka berlaku dalam kadar perlahan. Industri ter-kesan secara langsung akan mengambil masa lama untuk pulih, di samping pe-

kerja yang terjejas akibat daripada pem-berhentian pekerja serta pengurangan gaji dan pendapatan.

Sehubungan itu, langkah seperti Program Subsidi Upah dan Geran Khas PR-IHATIN (GKP) perlu diteruskan pada tahun hadapan.

Selain itu, program bayaran pindaan seperti Bantuan PRUHAJATIN Nasional (BPN) perlu diberikan bagi mereka yang memerintahkan. Dalam hal ini, pengkalan data perlu dikemaskini supaya mereka yang betul-betul layak akan menerima BPN.

Disamping itu, program yang menggalakkan aktiviti keusahawanan perlu diperhebatkan kerana dalam keadaan semasa, ramai yang mahu menceburkan diri berikutan peluang pekerjaan yang masih kurang.

Ini termasuk latihan keusahawanan, terutama program keusahawanan yang mengambil kira norma baharu seperti e-dagang perlu dipertingkatkan. Agensi kerajaan berkaitan pula mesti bekerjasama supaya program yang diusahakan itu bersepadu dan dapat menarik minat rakyat Malaysia untuk turut serta.

Latihan menerusi platform alam maya amat digalakkan berikutan situasi semasa yang memaksa rakyat untuk mengamalkan penjarakan fizikal. Dari segi industri yang boleh dikembangkan bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan adalah sektor pertanian. Kadar keberuntungan negara kepada import makanan adalah tinggi. Berdasarkan pengamatan penulis, defisit im-ports perdagangan dalam sektor ma-

kanaan adalah RM17.4 billion dan ia se-

makin melebar jika dibandingkan pada awal 1990-an dengan defisit berada kira-kira RMI billion.

Tahap sara diri pula bagi kubis, cili, kelapa, mangga, daging kambing, daging lembu dan susu segar adalah 36.2 peratus, 30.8 peratus, 68.2 peratus, 32.1 peratus, 12.1 peratus, 23.7 peratus dan 59.3 peratus pada 2019.

Penulis memandang situasi ini satu peluang bagi rakyat Malaysia untuk mencemburi diri dalam bidang pertanian berikutan permintaan yang tinggi.

Dalam pada kita bercakap soal norma baharu, kadangkala industri yang sudah lama berapak di negara ini seperti pertanian dilihat seperti tidak menerima sambutan menggalakkan dan apabila berbicara sektor perladangan, kita akan hanya terbayang kelapa sawit sebagai tanaman utama.

Walhal sekiranya dilaksanakan dengan baik, negara boleh melahirkan usahawan berjaya dalam tanaman yang lain serta dapat meningkatkan taraf kehidupan lebih baik.

Mungkin situasi COVID-19 mampu untuk membuka mata pembuat dasar serta rakyat Malaysia untuk melihat sektor pertanian ini sebagai pemangkin untuk meningkatkan pendapatan serta taraf hidup rakyat Malaysia.

Harapan penulis pada belanjawan kali ini akan ada lebih banyak insentif dan langkah meningkatkan aktiviti keusahawanan serta memperkasakan sektor pertanian ke tahap lebih baik.

Penulis adalah Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd

Putting a lid on food wastage

ANIS WUSOF
KUALA LUMPUR
by isha@nst.com.my

MALAYSIA has called on Asia-Pacific Economic Cooperation (Apec) member economies to adopt a new mindset to address the region's food security and waste management issues.

One of the ways to put a lid on food wastage is by transforming solid waste management from a linear economy to a circular economy.

This was discussed at the virtual Apec's Public-Private Dialogue Multi-Year Policy Dialogue on Innovative Waste Management meeting recently.

The introduction of technologies, innovative solutions (including e-commerce platforms for marketing, retractable mobile food processing systems), new ways of working and good practices to manage food quality and reduce food loss and waste are key to implementing this transformation.

It was noted that the global volume of food wastage was estimated at 1.6 billion tonnes, based on the United Nations Food and Agriculture Organisation (FOA) 2020 report. This has created a US\$750 billion, or RM3.1 trillion, economic loss annually.

The FOA 2020 report highlighted that food waste not only included those we threw as trash but also rejected items, especially food products from farmers or suppliers



ere which were among the biggest contributors to food waste found in landfills.

Housing and Local Government Minister Zuraida Kamaruddin in her speech said reducing food loss and waste was essential as the number of people affected by hunger had been slowly on the rise.

Additionally, tonnes of edible food were lost or wasted every day.

Given the growing concern, she said Apec economies were serious in addressing the region's security and waste management issue.

The importance of managing food loss and waste is highlighted under Goal 12 of the Sustainable Development Goals, she said in her keynote address at the virtual meeting.

Through responsible consumption and production, the region targets to halve global food waste at retail and consumer levels, as well as to reduce food loss during production and supply by 2030, she added.

Zuraida said Apec economies needed to learn from each other's experience as the transformation would not be simple and straightforward.

What works in the context of one economy may not necessarily work in another, she said.

Malaysia hopes that the policy recommendations derived from Apec's discussions serve not only as a guidance for all economies in moving towards a more sustainable food waste management but also promotes better cooperation and networking among member economies in the waste management sector.

Zuraida said food waste was one of the biggest sources of waste generated in Malaysia.

Citing a 2017 report, 44.5 per cent of food waste in the country came from the household sector while 31.4 per cent was derived from the industrial, commercial and institutional (ICI) sectors.

To an extent, the report noted that food waste made up the largest component in landfills that emit methane gas — the main agent in ozone layer depletion and 21 times more potent than carbon dioxide (CO2).

To date, she said the decomposition of food waste in landfills remained the main source of greenhouse gas (GHG) emission from the waste



Based on the United Nations' Food and Agriculture Organisation 2020 report, global food wastage is estimated at 1.6 billion tonnes.



management sector in Malaysia.

She said waste prevention had always been the government's priority to avoid waste generation at source as far as possible.

She pointed out that Malaysia's commitment in reducing food wastage had started to show results via various top-down approaches and programmes, involving the participation from members of the public, government as well as private sectors.

The reduction of total food waste generation would save the overall waste handling costs for waste generators while reducing the amount of waste in landfills.

Through various programmes, such as the setting up of food banks, awareness campaigns and organising faith-based programmes, Malaysia has managed to reduce food wastage by 28 per cent in four communities last year, said Zuraida.

She said there had been a significant increase in awareness of food wastage and the need to address it accordingly in the past few years.

The issue of food loss is of high importance in the efforts to combat hunger, raise income and improve food security in the world's poorest countries.

Food loss has an impact on

food security for poor people, food quality and safety, economic development and the environment, she said.

Food loss represents a waste of resources used in production such as land, water, energy and inputs.

Producing food that will not be consumed leads to unnecessary CO2 emissions, in addition to the loss of the economic value of the food produced.

The FOA report also showed that nearly 690 million people in the world were estimated to be undernourished in 2019. This is equivalent to 8.9 per cent of the world population.

Globally, around 14 per cent of food produced is lost between harvest and retail where significant quantities were also wasted at the consumption level.

Apec is a regional forum involving 21 economies.

This year, Malaysia plays host to the event and makes history as the first economy to organise the event virtually.

On Nov 20, Malaysia will be organising the first-ever virtual Apec Economic Leaders' Meeting that will be attended by all Apec leaders.

For more details on Apec, visit www.myapec2020.my

